

BAHASA MELAYU, KELEBIHAN DAN KEKURANGAN OLEH : ZA'BA (5)

7- KAEDAH EJAAN WAJIB DISATUKAN

“...., ahli-ahli bahasa yang mengambil tahu akan ilmu bunyi bahasa (atau tajwid) Melayu bersetuju mengatakan bahwa kaedah ejaan Rumi di Malaya dan di Indonesia itu seperti yang dipakai selam ini kedua-duanya tidak cukup tepat dan membetuli cara siasatannya ilmu yang sebenar, sama ada pada pihak yang menggambarkan bunyi-bunyi Melayu dan menyempurnakan kehendak-kehendak ejaan Melayu.” Demikian kata Tuan Za'ba dalam rencananya ini. – P. Q.

Satu daripada perkara yang sangat mustahak dah dikehendaki. Bagi maksud menyatukan bahasa ini ialah kaedah ejaan Rumi yang dipakai oleh kedua pihak ini patut disemak semula, dibaiki dan disamakan bagi Malaya dan Indonesia kedua-duanya. Di Malaya kita menulis Melayu dengan dua macam tulisan iaitu satu menggunakan huruf Arab yang dipadankan bagi Bahasa Melayu disebut “tulisan Jawi” ; dan satu lagi memakai huruf Latin yang dipadankan pula daripada Inggeris dinamakan “tulisan Rumi”. Di Indonesia Bahasa Melayu atau “Bahasa Indonesia” itu adalah di tulis hampir-hampir dengan tidak memakai huruf lain lagi melainkan huruf Latin sahaja, iaitu dipadankan daripada penggunaannya bagi Bahasa Belanda. Adapun tulisan dengan huruf Arab boleh dikatakan telah tertinggal langsung, kecuali agaknya ada dipakai sedikit-sedikit di antara setengah-setengah orang yang ahli dalam agama Islam istimewa di Sumatera.

Tetapi tulisan Rumi di Malaya sebab huruf latin itu telah diterima dan dipadankan daripada penggunaan

bagi tulisan Bahasa Inggeris, maka kaedah ejaan bacaan Rumi di Malaya adalah mengikut jalan yang telah ditawarkan oleh orang Inggeris secara yang musabah pada mereka, dan nama huruf-huruf itu serta kuasa-kuasa yang dipakaikan kepadanya pun semuanya mengikut cara Inggeris belaka. Sementara itu tulisan Rumi di Indonesia adalah kaedah bacaannya sehingga masa perang Jepun dahulu mengikut alur yang telah ditawarkan oleh orang Belanda secara yang munasabah pada mereka itu pula, dan nama-nama huruf itu serta bunyi dan kuasa-kuasa yang dipakaikan kepada masing-masing itupun mengikut ketetapan yang terpakai bagi bahasa Belanda juga,

Dalam pada itu perbezaan ini tidaklah menjadi halangan apa-apa kepada kedua pihak itu hendak berhubung. Kedua dengan senang boleh membaca, bahkan biasa membaca, tulisan Rumi pihak yang satunya lagi sama ada surat-surat khabar, buku-buku atau lainnya: orang Melayu Malaya boleh dan biasa membaca surat-surat khabar dan buku-buku Rumi Indonesia, dan sebaliknya orang Indonesia boleh dan

biasa pula membaca surat-surat khabar dan karangan-karangan dalam ejaan Rumi Malaya dengan tiada terbit apa-apa kepayahan ; kerana perbezaan antara kedua kaedah ejaan itu tiada jauh, dan macam mana pun bahasa yang tertulis dengan keduanya itu ialah bahasa kita juga, sekadarkan ada sedikit-sedikit berselisih yang kecil-kecil di sana sini tentang beberapa perkataan dan gugus perkataan atau rangkai-rangkai kata yang khas yang tiada sama berserupaan betul antara keduanya; maklumlah oleh jauh jarak negerinya dan berlainan hal yang mengelilingi masing-masingnya itu.

Sungguhpun yang demikian tentulah sangat besar juga faedah dan keuntungan bagi mendapat kesatuan yang dikehendaki itu dan bagi memberi kesenangan kepada sekalian yang berkenaan jika ditawarkan suatu kaedah ejaan yang sama dan disetujui oleh kedua pihak. Ahli-ahli bahasa yang mengambil tahu akan ilmu bunyi bahasa (atau tajwid) Melayu bersetuju mengatakan kaedah ejaan Rumi di Malaya dan di Indonesia itu seperti dipakai selama ini kedua-keduanya tidak cukup tepat dan membetuli cara siasatannya ilmu yang sebenar, sama ada pada pihak menggambarkan bunyi-bunyi Melayu dan pada pihak menyempurnakan kehendak-kehendak ejaan Melayu. Misalnya pada siasatannya yang lebih tepat tetaplah ada sekurang-kurangnya sembilan bunyi saksi dalam Bahasa Melayu ; sebab itu patutlah telah ada sekurang-kurangnya sembilan huruf saksi bagi menggambarkan bunyi-bunyi saksi Melayu itu. Padahal sekarang hanya ada enam sahaja bunyi itu yang diambil tahu dan diberi huruf saksinya masing-masing (a,e,i,o,u). demikian pula dalam Bahasa Melayu pada hitung kasarnya ada kasar 20 bunyi huruf benar yang sebenarnya bunyi Melayu jati ; tiap-tiap satu itu patut digambarkan dengan satu huruf sahaja- kita tidak berkehendak huruf gambaran seperti ch , ng , ny dan sebagainya. Dan lagi adalah daku dan disetujui pula bahawa kedua-dua pihak Malaya dan Indonesia ingin hendak membaiki dan mengatur semua kaedah ejaan mereka yang terpakai sekarang ini.

Pendeknya perkara yang dikehendaki itu ialah : suatu kaedah merumikan yang baharu hendak diperbuat dan diaturkan (seperti yang telah diperbuat oleh Orang Turki) yang dengannya huruf Rumi itu dijadikan huruf kebangsaan Melayu betul. Dalam perubahan itu perkara-perkara di bawah ini hendaklah diraikan :

- (1) Nama huruf-huruf itu dan bunyi yang diuntukkan kepada masing-masing huruf itu pun hendaklah dipadankan ikut bagaimana yang lebih munasabah dengan kemahuan Bahasa Melayu. Huruf-huruf saksinya umpama patutlah dinamakan itu. dalam pada itu mana-mana nama yang telah sedia ada itu jika didapati munasabah, baik nama Inggeris atau nama Belandanya, bolehlah dkekalkan.
- (2) Suatu kaedah yang baharu bagi menghurufkan bunyi-bunyi Melayu yang tertentu dengan huruf Rumi itu hendaklah dipakai huruf C (iaitu boleh dinamakan “Che”) bagi menghurufkan bunyi Ch atau; T sekarang itu; huruf X yang tiada pernah terpakai dalam Rumi Melayu itu patutlah dipakai dengan diubah namanya “Ish” atau “Esh” dan digunakan dia bagi menghurufkan bunyi arab yang sekarang dihurufkan dengan Sh atau Sj.
- (3) Bunyi sengau seperti pada Pot (bunyi horn motorkar), Sia (bakul tingkat Cina), Siap (bunyi memukul dengan rotan), Siung (bunyi peluru atau apa-apa yang berjalan dengan deras), Kiak (bunyi binatang kecil menjerit kerana kesakitan), Koa (bunyi budak marah menangisnya) dan sebagainya, hendaklah ditetapkan tandanya; umpamanya dibubuh huruf n kecil atau lain-lain tanda yang munasabah kemudian daripada huruf saksinya seperti yang dibuat dalam tulisan

merumikan Bahasa Cina.

- (4) Rangkaian huruf ai dan au hendaklah dikhususkan bagi bunyi rengang sahaja, seperti dalam perkataan lain dan laut. adapaun bunyi ai dan au yang rapat seperti dalam perkataan kedai dan pisau dalam ejaan sekarang patutlah dihurufkan dengan ay dan aw, kerana ialah bunyian yang sebenar. (bunyi yang kedua pada ai dan au itu bukan bunyi saksi hanya huruf benar yang mati sebagaimana t p n i pada al, an, ap dan at dan sebagainya). Dengan demikian dapatlah dibezakan mana ai dan au rapat, dan mana ai dan au renggang.
- (5) Huruf-huruf baharu dengan bentuk yang baharu atau dengan memakaikan tanda-tanda yang khas kepada mana-mana huruf lama itu yang munasabah, eloklah diadakan di mana-mana yang mustahak, supaya menajadikan tulisan Melayu dengan a b c Rumi itu sebenar-benarnya hak Melayu dan Indonesia dengan jalan yang diambil milik “angkat” akan dia (seperti anak angkat, saudara angkat, emak angkat, bapa angkat dan sebagainya).
- (6) Segala tentang yang baik dan layak dalam kedua-dua kaedah bacaan yang terpakai sekarang itu bolehlah diterima dan dikekalkan; dan mana yang tiada munasabah misalnya huruf e (e tanda) seperti yang dipakai dalam ejaan Rumi Malaya sekarang, dan huruf oe yang terpakai dalam Rumi Indonesia bagi menghurufkan bunyi: selama ini nyatalah patut sangat diganti dengan satu-satunya yang lebih munasabah bagi menghurufkan.
- (7) Penulis-penulis dari kedua pihak hendaklah berjumpa dan bermesyuarat, bekerjasama, tolong-menolong dan menyatukan fikiran bagi menikhtiarakan satu-satu rencana atau

plan yang demikian ini untuk menerangkan satu kaedah ejaan yang sama dan bersekutu seperti yang dikehendaki itu.

- (8) Suatu badan komiti atau suruhanjaya yang beranggotakan wakil-wakil ahli bahasa dari pihak Malaya dan Indonesia hendaklah dilantik bagi Melaksanakan kerja itu supaya mereka berjumpa, bermesyuarat dan mengambil keputusan dalam hal ini, sementara itu Malaya akan terus juga memakai tulisan Jawi” berasing-asing dengan tulisan Rumi yang telah dibaiki kaedah ejaan itu seberapa lamanya yang tulisan Jawi telah itu boleh tahan kelak ; kerana di Malaya tulisan Jawi itu telah jadi sebahagian dari kehidupan dan corak kebudayaan orang Melayu. Kedudukannya di Malaya telah meningkat lebih hampir sifat tulisan kebangsaan dalam masa beberapa ratus tahun yang ia telah terpakai ini, daripada tulisan pinjaman yang dipadankan dari huruf bangsa lain, istimewanya pula di antara orang-orang tingkat tua, tetapi bagi maksud perhubungan dengan dunia luar yang lebih luas dalam hal siasah, iktisad, perniagaan dan ilmu pengetahuan dan lain-lainnya, penggunaan huruf Rumi yang hampir rata diseluruh dunia itu adalah menhendaki yang ia telah wajiblah dipakai juga dengan perubahan-perubahan dan pepadanan yang patut bagi menuliskan Bahasa Melayu,

Dalam Qalam akan datang Tuan Za‘ba melanjutkan tulisannya berkenaan Bahasa Melayu di bawah tajuk : “Persaudaraan Melayu.”

Bacalah buku

AMARAN

Sebuah buku yang mengupas politik Malaya

Dengan berterus terang !

Qalam Press Limited,

P.O. Box 3031,

Singapore.
